

12/09/1998

Yang Dipertua Jim letak jawatan

JOHOR BAHRU, Jumaat - Yang Dipertua Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (Jim) Johor, Norzam Darmin meletakkan jawatannya mulai hari ini kerana tidak berpuas hati dengan tindakan pertubuhan itu menyertai gerakan reformasi yang dianjurkan Angkat Belia Islam Malaysia (Abim).

Norzam yang memegang jawatan itu setahun lalu tidak berpuas hati dengan keputusan jawatankuasa pertubuhan pada peringkat pusat yang dikatakan bertentangan dengan perjuangan Jim.

Katanya, Jim sudah menyimpang daripada perjuangan asal iaitu tidak terbabit dalam politik.

Katanya, Jim sepatutnya menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Oleh itu gerakan reformasi yang ingin disertai Jim itu menyalahi undang-undang dan menimbulkan implikasi tidak baik terhadap pertubuhan," katanya, hari ini.

Ahad lalu, empat pertubuhan Islam iaitu Abim, Jim Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi) membentuk gerakan reformasi untuk membangkitkan kesedaran umum mengenai 'ketidakadilan' terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

(END)